

Pendapatan Isi Rumah

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pencapaian ekonomi sesebuah negara biasanya diukur dengan jumlah permintaan agregat yang juga bersamaan dengan jumlah pengeluaran di dalam ekonomi. Salah satu dari ukuran permintaan agregat yang selalu digunakan dan diketahui umum adalah keluaran dalam negara kasar (KDNK). Lain-lain ukuran termasuklah keluaran negara kasar (KNK), pendapatan negara dan seumpamanya. Tiap-tiap ukuran mempunyai definisi yang berbeza dan mereka digunakan mengikut keperluan atau tujuan kegunaannya.

Pertumbuhan ekonomi biasanya diukur dengan membandingkan peratus pertambahan permintaan agregat, umpamanya KDNK, berbanding dengan setahun yang lepas. Sekiranya KDNK mengalami pertumbuhan negatif atau penurunan, maka ekonomi dikatakan berada di dalam keadaan kemelesetan. Walau bagaimanapun, KDNK tidak mampu menerangkan segala-galanya berkenaan pencapaian ekonomi. Ianya cuma menerangkan apa yang ingin diketahui di dalam skop yang terbatas berdasarkan definisinya.

Apa yang jelas KDNK menceritakan tentang pencapaian ekonomi negara, namun ianya tidak mampu menerangkan tentang bagaimana pendapatan negara ini diagihkan kepada rakyat jelata. Sebagai ukuran yang mudah biasanya KDNK per kapita digunakan sebagai proksi bagaimana kekayaan negara ini diagihkan kepada individu. KDNK per kapita dikira dengan membahagikan KDNK dengan jumlah penduduk di seluruh negara. KDNK per kapita juga membenarkan perbandingan antara negara. Semakin tinggi KDNK per kapita, maka negara berkenaan dianggap negara berpendapatan tinggi.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Negara-negara di seluruh dunia disusun mengikut turutan KDNK per kapita untuk menunjukkan status kekayaan mereka. Kedudukan turutan tersebut meletakkan setiap negara di dalam kategori masing-masing, sama ada sebagai negara maju, negara membangun atau sebagai negara mundur. Malaysia menyasarkan pendapatan negara kasar – PNK (*gross national income* – GNI) per kapita 15,000 dolar Amerika untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. Nilai ambang PNK per kapita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi untuk 2014 mengikut Bank Dunia adalah 12,735 dolar Amerika.

Jika KDNK per kapita tidak mampu menjelaskan tentang bagaimana kekayaan negara diagihkan, apakah ukuran yang mampu memainkan peranan ini? Terdapat satu statistik penting yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) mampu menunjukkan tahap pendapatan rakyat dengan lebih jelas. Statistik tersebut adalah “penyiasatan pendapatan isi rumah” (*household income survey* - HIS).

HIS merupakan statistik yang dikeluarkan oleh JPM dua kali dalam masa lima tahun. Data berkaitan dengan pendapatan isi rumah dihasilkan dengan kaedah tinjauan umum. Data terakhir yang dikeluarkan oleh JPM adalah pada tahun 2014. Purata pendapatan isi rumah bulanan rakyat Malaysia pada tahun 2014 adalah RM6,141 berbanding dengan RM5,000 pada tahun 2012. Manakala purata saiz isi rumah untuk seluruh Malaysia adalah 4.3 orang.

Pelbagai data berkaitan dengan pendapatan isi rumah yang dilaporkan oleh JPM amat berguna untuk memahami profil pendapatan rakyat Malaysia. Antara lain, data pendapatan diklasifikasikan mengikut kumpulan etnik, negeri, strata, punca pendapatan, jenis pekerjaan dan sebagainya. Data untuk tahun 2014 juga turut melaporkan tahap pencapaian kemudahan asas isi rumah, seperti kemudahan elektrik, air, hospital, sekolah dan seumpamanya. Dengan kata lain, statistik dari HIS menceritakan tahap pembangunan rakyat yang lebih tepat berbanding dengan ukuran seperti KDNK per kapita.

Data HIS dikeluarkan semenjak tahun 1970 menunjukkan peningkatan pendapatan isi rumah yang memberangsangkan. Purata pendapatan bulanan isi rumah rakyat Malaysia (tidak termasuk Sabah dan Sarawak) pada tahun 1970 adalah RM264. Jika

termasuk Sabah dan Sarawak kemungkinan nilainya lebih rendah. Purata pendapatan bulanan isi rumah seluruh rakyat Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) pada tahun 2014 adalah RM6,141. Selari dengan peningkatan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan juga turun dengan mendadak dari 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014.

Namun di sebalik pencapaian yang hebat ini, satu trend atau arah aliran yang jelas perlu diberi perhatian. Purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra sentiasa rendah dari lain-lain etnik saban tahun semenjak tahun 1970. Ini bermakna tidak berlaku perubahan struktur dari segi pendapatan isi rumah jika dilihat dari sudut pembahagian berdasarkan etnik. Dengan kata lain, kita telah berjaya membesarkan kek semenjak tahun 1970 sehingga sekarang, namun peratusan pembahagian kek mengikut etnik tidak banyak berubah.

Jika diteliti lagi, bukan suatu kebetulan di mana purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra adalah terendah berbanding lain-lain etnik mengikut pelbagai kategori. Umpamanya, purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra mengikut strata, mengikut bilangan penerima pendapatan, mengikut kumpulan pendapatan, mengikut jenis pekerjaan, mengikut kelulusan tertinggi dan sebagainya adalah rata-rata lebih rendah berbanding bukan Bumiputra.

Purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra sama ada di bandar mahu pun di luar bandar sentiasa lebih rendah dari warga negara lain. Begitu juga purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra tanpa mengira jumlah yang bekerja juga lebih rendah, sama ada seorang bekerja, dua orang hinggalah ke enam orang atau lebih yang bekerja di dalam isi rumah masing-masing.

Jika dibahagikan mengikut kumpulan pendapatan, yakni tertinggi 20 peratus, pertengahan 40 peratus dan terendah 40 peratus, sekali lagi purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra merekodkan nilai yang rendah dari lain-lain warga negara. Seheingakan dibahagikan mengikut kelulusan, purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra masih menunjukkan arah aliran yang sama. Sama ada memiliki ijazah atau tidak Bumiputra masih menerima purata pendapatan yang rendah.

Berdasarkan jenis pekerjaan, Bumiputra masih merekodkan purata pendapatan bulanan isi rumah yang terendah. Purata pendapatan pengurus Bumiputra adalah lebih rendah dari etnik Cina atau India. Begitu juga dengan lain-lain pekerjaan termasuk profesional, juruteknik dan profesional bersekutu, pekerja sokongan perkeranian, pekerja mahir pertanian, pertukangan, perkhidmatan dan jualan dan seterusnya, purata pendapatan bulanan isi rumah Bumiputra adalah semuanya lebih rendah dari lain-lain etnik.

Persoalannya, apakah yang berlaku semenjak dari selepas merdeka sehingga sekarang hinggakan kita tidak berupaya untuk memecahkan tradisi ini? Seperkara yang jelas, statistik adalah benar dan arah aliran ini terlampau ketara bukan suatu kebetulan. Walaupun saiz kek telah bertambah besar, namun perkongsian relatif yang tidak berubah perlu ditangani. Sekali gus, secara tidak langsung ini melambangkan kegagalan kita mencapai matlamat untuk tidak mengaitkan kumpulan etnik dengan jenis aktiviti ekonomi.

Di awal era selepas kemerdekaan, peratusan golongan Bumiputra terlibat dengan insiden kemiskinan adalah tinggi. Keadaan ini rata-rata dikaitkan dengan penglibatan Bumiputra di dalam aktiviti pertanian yang menjana pendapatan yang kecil. Pelbagai usaha dilaksanakan sehinggakan penglibatan Bumiputra di dalam pelbagai bidang telah meningkat. Namun statistik dari HIS menunjukkan bahawa kejayaan ini masih belum memuaskan.

Keadaan ini perlu ditangani dari dua sudut. Pertama, penggubal dasar, yakni pihak kerajaan perlu membuat percaturan baharu untuk mencorakkan keadaan masyarakat yang diinginkan di masa hadapan. Kedua, golongan Bumiputra itu sendiri perlu membuat suatu pemeriksaan realiti. Pencapaian terbaik yang di kecapi sehingga kini masih belum memadai. Perlu diingat bahawa kita sekarang menghadapi persaingan yang lebih terbuka bukan sahaja di dalam negara, bahkan melampaui sempadan antarabangsa. Oleh itu masyarakat Bumiputra perlu sedar hakikat ini dan seterusnya berusaha untuk menyerlahkan potensi maksimum mereka. Kebergantungan kepada bantuan luar termasuk kepada kerajaan perlu di minimumkan. Mimpi-mimpi indah di era selepas kemerdekaan sudah berlalu. Kini sebahagian dari mimpi-mimpi tersebut

telah menjadi realiti. Namun, jangan biarkan generasi akan datang menerima mimpi ngeri.